

11 individu diambil keterangan kes bunuh isteri, anak

Johor Bahru: Sebanyak 11 individu sudah dipanggil polis untuk dirakam keterangan mereka berhubung kes pembunuhan seorang wanita dan bayi lelakinya di Kampung Bakar Batu di sini, 4 Julai lalu.

Mereka yang dipanggil terdiri daripada ahli keluarga kepada mangsa dan juga suspek selain penduduk setempat lokasi kejadian khususnya mereka yang menjadi saksi kepada kejadian berkenaan.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat memberitahu, suspek yang juga suami dan bapa kepada mangsa turut memberi kerjasama kepada polis sejak penahanan dibuat terhadapnya kira-kira dua jam selepas kejadian berlaku.

“Berhubung kes berkenaan, kita sudah merakam keterangan 11 individu terdiri daripada ahli keluarga dan juga jiran-jiran yang menjadi saksi kejadian.

“Sejak ditahan pada 4 Julai lalu, suspek memberikan kerjasama baik dan tidak berlaku sebarang pergelutan dalam penahanan.

“Bagaimanapun, siasatan berhubung punca dan motif kejadian masih dijalankan memandangkan suspek juga masih dalam tahanan reman selama seminggu untuk siasatan lanjut,” katanya selepas membuat pementauan penggunaan dron dalam penugasan Op Lancar di Jalan Tebrau di sini, kelmarin.

Pada masa sama, Kamarul Zaman berharap orang ramai dapat memberi ruang kepada pihaknya menjalankan siasatan dan tidak mengeluarkan sebarang komen atau spekulasi berhubung kejadian bunuh itu.

Pada 4 Julai lalu, Hajar Nursyahirin Rosman, 26 dan bayi lelakinya, Hans Mohd Thakif Amir, dua bulan, ditemui maut di hadapan rumah mereka dengan kesan kelar di bahagian leher.

Suspek lelaki itu kemudian bertindak melarikan diri dalam keadaan tidak berpakaian dengan menunggang motosikal sebelum ditahan polis kira-kira 2.45 petang di sekitar Permas Jaya.

Suspek yang juga suami dan bapa mangsa beri kerjasama kepada polis